



Rujukan Kami: JUPEM 18/7/2.148 Jld. 2(17)

Tarikh: 29 Ogos 2006

Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri

**PEKELILING KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN
BIL. 2 TAHUN 2006**

**PENYEDIAAN PELAN UNTUK PERMOHONAN HAKMILIK
STRATUM TANAH BAWAH TANAH (TBT)**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan format penyediaan pelan untuk permohonan hakmilik stratum TBT.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Pelupusan Tanah Bawah Tanah diperuntukkan di bawah Bahagian Lima (A) Kanun Tanah Negara 1965 (KTN) melalui Akta KTN (Pindaan) 1990 (Akta A 752/1990) yang diwartakan pada 22 Februari 1990.

2.2 Bagi maksud di atas, pemberimilikan suatu stratum TBT melibatkan pemberimilikan sesuatu lapisan bongkah atau isipadu jisim pepejal pada kedalaman tertentu di bawah paras permukaan bumi.

2.3 Dalam menguruskan pemberimilikan tersebut satu garis panduan penyediaan pelan permohonan stratum perlu disediakan. Pelan ini membolehkan JUPEM Negeri membuat semakan dan seterusnya memberi ulasan kepada Pihak Berkuasa Negeri.

3. PENYEDIAAN PELAN STRATUM

Pelan stratum yang berasaskan ukuran sediabina (*as-built*) hendaklah mengandungi pelan-pelan seperti berikut:

3.1 Pelan Lokasi Stratum

Pelan Lokasi Stratum hendaklah menunjukkan tempat di mana pembinaan stratum dibuat. Maklumat ini boleh diperolehi dari Peta Kadaster atau Lembar Piawai. Ianya hendaklah dilukis dengan skala yang sesuai dan mengandungi maklumat-maklumat berikut:

- a) Tajuk ;
- b) Skala;
- c) Lot bersebelahan; dan
- d) Penunjuk Utara.

3.2 Pelan Stratum

Pelan Stratum hendaklah menunjukkan maklumat-maklumat berikut:

- a) Bearing dan jarak sempadan lot tanah berkaitan dengan bongkah;
- b) Kedudukan dua (2) Tanda Aras yang menunjukkan ketinggian yang dirujuk kepada Datum Rujukan Tegak;
- c) Kedudukan lot-lot tanah dan lot-lot stratum bersebelahan (jika ada). Lot-lot stratum bersebelahan hendaklah ditunjukkan dengan garisan putus-putus;
- d) Ofset jalan dan nama jalan (jika ada);
- e) Garisan kedudukan keratan-keratan lot stratum (a-a, b-b);
- f) Keratan tegak daripada dua sisi yang menunjukkan aras lot stratum;

- g) Rajah isometrik bongkah berserta koordinat-koordinat setiap titik dan isipadu bongkah; dan
- h) Lot stratum hendaklah diwarnakan dengan warna kuning.

3.3 Pelan Penggunaan

Pelan Penggunaan hendaklah mengandungi maklumat-maklumat berikut:

- a) Rajah isometrik;
- b) Pelan tingkat;
- c) Jadual penggunaan bongkah berkenaan; dan
- d) Pelan lantai.

3.4 Pelan Akses Stratum

Pelan Akses Stratum hendaklah mengandungi maklumat-maklumat berikut:

- a) Bearing dan jarak sempadan lot tanah berkaitan dengan bongkah;
- b) Kedudukan dua (2) Tanda Aras yang menunjukkan ketinggian yang dirujuk kepada Datum Rujukan Tegak;
- c) Kedudukan lot-lot dan lot-lot stratum bersebelahan (jika ada). Lot-lot stratum bersebelahan hendaklah ditunjukkan dengan garisan putus-putus;
- d) Offset jalan dan nama jalan (jika ada);
- e) Rajah isometrik akses;
- f) Koordinat-koordinat setiap penjuru akses; dan
- g) Dokumen pendaftaran esmen jika akses diperlukan berkait dengan lot-lot bersebelahan.

3.5 Pelan-pelan di para 3.1 hingga 3.3 bolehlah dilukis dan ditunjukkan di dalam satu pelan sahaja manakala pelan di para 3.4 hendaklah dilukis secara berasingan.

3.6 Bagi pelan-pelan yang dilukis secara berasingan, nombor rujukan hendaklah diberikan mengikut PS1, PS2, PS3 dan seterusnya.

3.7 Setiap pelan yang dilukis hendaklah mengandungi sijil perakuan oleh juruukur tanah mengikut jenis tanah di permukaan sama ada mengikut seksyen 92C, seksyen 92D, seksyen 92E, seksyen 92F atau seksyen 92G KTN.

4. CONTOH PELAN STRATUM

Contoh Pelan Stratum adalah seperti di **Lampiran 'PS1'**, **Lampiran 'PS2'** dan **Lampiran 'PS3'**.

5. TARIKH BERKUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATUK HAMID BIN ALI)

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia

Salinan Kepada:

Edaran Dalaman:


Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Pengarah Ukur Bahagian Kadaster
Pengarah Ukur Bahagian Pemetaan

Edaran Luaran:

Setiausaha
Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia

LOT STRATUM
TANAH BAWAH TANAH
DI BAWAH LOT 198
(PA 10741)
SEKSYEN 93
BANDAR KUALA LUMPUR
WILAYAH PERSEKUTUAN

PELAN LDKASI
SKALA 1:6000
PETA KADASTER 0555




Menurut Seksyen 92C/92D/92E/92F/92G di bawah Kanun Tanah Negara 1965, saya seorang jurukur tanah dengan ini memperakui bahawa saya telah membuat perbandingan pelan ini dengan pelan pembinaan yang telah disediakan oleh arkitek atau jurutera profesional berdaftar yang bertanggungjawab atas pembinaannya dan bahawa pelan ini adalah menepati pelan tersebut.

Bertarikh haribulan 20


Tandatangan dan Cop Rasmi



PELAN STRATUM




RAJAH ISOMETRIK
SKALA 1:200




TITIK	KOORDINAT MENDATAR		ARAS LARASIZI	ISPADU (m ³)
	U/S	T/B		
1	S 701.2	T 275.3	35.500	1212.0 m ³
2	S 696.0	T 278.5		
3	S 709.8	T 301.1		
4	S 715.0	T 298.0		
5	S 701.2	T 275.3	20.500	
6	S 696.0	T 278.5		
7	S 709.8	T 301.1		
8	S 715.0	T 298.0		

KERATAN TEGAK a-a
TANPA SKALA




KERATAN TEGAK b-b
TANPA SKALA




LOT STRATUM
 TANAH BAWAH TANAH
 DI BAWAH LOT 198
 (PA 10741)
 SEKSYEN 93
 BANDAR KUALA LUMPUR
 WILAYAH PERSEKUTUAN


PELAN PENGGUNAAN




PELAN LANTAI U1
 SKALA 1:200




PELAN LANTAI U2
 SKALA 1:200



PELAN PERLINDUNGAN DAN SOKONGAN
 SKALA 1:200



PELAN TINGKAT U1 DAN U2
 SKALA 1:200



JADUAL PENGGUNAAN

BL.	JENIS	TINGKAT U1 (m ²)	TINGKAT U2 (m ²)	JUMLAH (m ²)
1	LOT KEDAI	-	303.0	303.0
2	TEMPAT LETAK KERETA	606.0	303.0	909.0
3	PERLINDUNGAN DAN SOKONGAN	-	-	1212.0

Menurut Seksyen 92C/92D/92E/92F/92G di bawah Kanun Tanah Negara 1965, saya seorang jurukur tanah dengan ini memperakui bahawa saya telah membuat perbandingan pelan ini dengan pelan pembinaan yang telah disediakan oleh arkitek atau jurutera profesional berdaftar yang bertanggungjawab atas pembinaannya dan bahawa pelan ini adalah menepati pelan tersebut.


Bertarikh hari bulan 20

.....
 Tandatangan dan Cop Rasmi


LOT STRATUM
 TANAH BAWAH TANAH
 DI BAWAH LOT 198
 (PA 10741)
 SEKSYEN 93
 BANDAR KUALA LUMPUR
 WILAYAH PERSEKUTUAN



PELAN AKSES STRATUM



RAJAH ISOMETRIK CADANGAN AKSES



Menurut Seksyen 92C/92D/92E/92F/92G di bawah Kanun Tanah Negara 1965, saya seorang juruukur tanah dengan ini memperakui bahawa saya telah membuat perbandingan pelan ini dengan pelan pembinaan yang telah disediakan oleh arkitek atau jurutera profesional berdaftar yang bertanggungjawab atas pembinaannya dan bahawa pelan ini adalah menepati pelan tersebut.

Bertarikh haribulan 20

.....
 Tandatangan dan Cop Rasmi

TITIK	KOORDINAT MENDATAR		ARAS LARASIZ
	U/S	T/B	
1	S 709.2	T 294.3	35.500
2	S 706.6	T 295.9	
3	S 706.6	T 295.9	31.750
4	S 709.2	T 294.3	